



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“OPS LEJANG FASA 1”

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia sentiasa komited untuk membentras **kegiatan lumba haram** dan **menunggang motosikal secara berbahaya** yang menjadi punca kepada berlakunya kemalangan dan kematian, sebagaimana insiden yang berlaku di Pulau Pinang, baru-baru ini. Sehubungan itu, JPJ akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan dengan memberikan tumpuan kepada usaha **menangani kegiatan lumba haram** dan **menunggang motosikal secara berbahaya** di lebuh raya dan jalan-jalan Persekutuan serta Negeri dari semasa ke semasa.

Ke arah itu, JPJ akan mempelbagaikan pendekatan aktiviti Penguatkuasaan, di mana pada hari ini **Ops Lejang Fasa 1** yang disasarkan kepada penunggang motosikal dilaksanakan di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur (kawasan Gombak menghala Bentong) termasuk **12 lokasi blackspot**. Ops Lejang Fasa 1 hari ni menampilkan kekuatan seramai **115 anggota** dengan penglibatan **JPJ, Polis DiRaja Malaysia (PDRM)** dan **ANIH Berhad** yang memfokuskan kepada pelbagai

pemeriksaan termasuk Lesen Kenderaan Motor (LKM), Lesen Memandu (CDL), dan insuran kenderaan.

Sayugia dimaklumkan, hasil pemeriksaan pangkalan data JPJ mendapati, sejak 2018 hingga Jun 2022, sebanyak **3.7 juta motosikal** telah diperiksa di mana **1.3 juta motosikal** telah diambil tindakan. Antara kesalahan tertinggi yang direkodkan adalah **tiada Lesen Memandu (471,665 kesalahan)**, **LKM tamat tempoh (313,174 kesalahan)** dan **tiada perlindungan insuran (299,772 kesalahan)**.

Justeru itu, JPJ ingin memberi nasihat kepada pemilik dan penunggang motosikal supaya **mengelak daripada terlibat dengan sebarang kegiatan lumba haram** dan **menunggang motosikal secara berbahaya** yang boleh menyebabkan kemalangan dan kematian di jalan raya. JPJ juga ingin memberikan peringatan dan amaran, bahawa mereka yang terlibat dalam **kegiatan lumba haram dan menunggang motosikal secara berbahaya**, tindakan tegas termasuk penyitaan motosikal di bawah **Seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987** akan dikuatkuasakan.

AEDY FADLY BIN RAMLI
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN & OPERASI)
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA

24 JULAI 2022

[TAMAT]